

AKHBAR : KOSMO!
TARIKH : 19 JULAI 2019
SENTIMEN : NEUTRAL

MUKA SURAT : 12
HARI : JUMAAT

Inisiatif kerajaan tingkat jumlah bayaran balik

3 kategori peminjam PTPTN

Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR — Peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan dikategorikan kepada tiga jenis iaitu peminjam patuh bayar, peminjam culas dan peminjam culas tegar.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik (**gambar kecil**) berkata, klasifikasi kategori peminjam itu merupakan sebahagian daripada inisiatif yang dilakukan pihaknya bagi membantu kutipan bayaran balik pinjaman dapat dilakukan.

"Kategori peminjam itu bakal membantu kita mensarankan peminjam yang tidak pernah membuat bayaran untuk mendapatkan bayaran balik. Selain itu, kita juga akan memberi inisiatif kepada peminjam patuh bayar.

"Dalam pada itu, hasil dari pada Kertas Konsultasi Rakyat juga sedang diperhalusi oleh satu panel penasihat bagi



mengenal pasti cadangan terbaik yang akan digunakan sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN sebelum dibentangkan kepada jemaah menteri pada Ogos ini," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan oleh **Datuk Seri Dr. Santhara (PH-Segamat)** berkenaan strategi yang dilakukan Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan jumlah bayaran balik pinjaman PTPTN.

Maszlee berkata, pihaknya turut mendapat kerjasama daripada agensi berkaitan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) untuk mendapatkan data peminjam.

"Menerusi data tersebut, kita akan kemukakan strategi baharu selepas keputusan



PEMINJAM PTPTN akan dikategorikan kepada tiga jenis iaitu peminjam patuh bayar, peminjam culas dan peminjam culas tegar. — Gambar hiasan

jemaah menteri pada Ogos nanti," jelasnya.

Terdahulu, Maszlee menjawab soalan daripada **Datuk Seri Idris Jusoh (BN-Besut)** berkenaan jumlah kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN untuk tempoh Januari hingga Jun tahun ini serta perbandingan bagi tempoh sama

pada tahun 2018 dan 2017.

Beliau berkata, pengkelasan peminjam itu dipercayai dapat membantu melancarkan proses pembayaran balik kerana sebelum ini, data sedia ada tidak lengkap dan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman secara sistematis.